

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 JUNE 2017

# Campur tangan demi bela nasib rakyat: Najib

BH - 8/6/2017 pg. 2



**Najib meletakkan cermin tingkap** di rumah penduduk yang menerima bantuan membaik pulih rumah pada program Jom Bantu Rakyat dan Ziarah Ramadan di Kampung Pak Dollah, Kamunting, semalam.

➔ Kerajaan tak berpegang falsafah ekonomi kapitalis terbuka

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,  
Shamsul Kamal Amarudin  
dan Shaarani Ismail  
bhnews@bh.com.my

► Taiping

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak berpegang kepada falsafah ekonomi kapitalis yang terbuka, sebaliknya menentukan ekonomi dengan campur tangan kerajaan secara membina.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN dan Presiden UMNO berkata langkah itu demi memastikan golongan memerlukan dapat diberikan bantuan sewajarnya, bukan secara pukal tetapi bersasar.

“Kita tak membiarkan ekonomi negara kita terus berkembang dengan yang kuat jadi lebih berjaya, yang kaya akan terus jadi lebih kaya melalui sistem ekonomi terbuka seperti ini yang menyebabkan jurang pendapatan semakin

hari semakin melebar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Jom Bantu Rakyat dan Ziarah Kasih Ramadan Parlimen Bukit Gantang di Padang Taman Mewah, di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua UMNO Bahagian Bukit Gantang, Datuk Syed Hussin Abdul Fasal.

## Bina dua rumah

Menerusi program Jom Bantu Rakyat di sini, Perdana Menteri menyampaikan bantuan kepada dua keluarga dan melancarkan pembinaan dua rumah untuk mereka yang uzur di Kampung Pak Dollah, Kamunting.

Najib berkata, Program Ziarah Kasih Ramadan yang dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan TH membabitkan peruntukan RM19 juta dengan RM7 juta menggunakan duit zakat TH, RM8 juta sum-

Fakta  
nombor

12,680 UNIT

lampu akan dipasang di seluruh 24 kawasan Parlimen di Perak

RM7.8 JUTA

peruntukan bina sebuah bangunan tiga tingkat untuk SJKT Taman Kaya

bangun UMNO dan RM4 juta daripada Kerajaan Pusat.

“Kalau orang kata Tabung Haji salah guna kuasa, itu fitnah,” katanya yang turut melancarkan Projek Lampu Jalan Kampung Fasa Lapan (LJK8) peringkat negeri ini.

Ketika lawatan kerja ke tapak projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Taman Kaya, Najib berkata, kerajaan mengambil kira kehendak semua komuniti termasuk kaum India di negara ini.

Katanya, jika mengikut hukum akal, golongan minoriti seperti masyarakat India yang bilangan penduduknya cuma 7.3 peratus di Malaysia, tidak sepatutnya memiliki aliran sekolah sendiri.

“Namun, di bawah kerajaan UMNO dan BN, kita wujudkan sekolah Tamil di seluruh negara sehingga bilangannya kini mencecah 523 sekolah. Saya juga bersetuju menubuhkan tujuh sekolah baharu menjadikan 530 sekolah Tamil di seluruh negara,” katanya.

Sambil merujuk pelan induk pembangunan masyarakat India bagi 10 tahun akan datang, Najib berkata, pembangkang tiada rekod pencapaian atau pelan induk untuk membangunkan masyarakat India berbanding BN.

## Buat pilihan tepat

Justeru, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Masyarakat India berkata, komuniti itu perlu membuat pilihan tepat pada pilihan raya umum nanti jika mahu pelan induk berkenaan terlaksana.

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan memperuntukkan RM7.8 juta bagi membina sebuah bangunan tiga tingkat di kawasan seluas 1.44 hektar untuk SJKT Taman Kaya yang dijangka siap Jun tahun depan.

Dalam lawatannya ke sini semalam, Perdana Menteri turut menghadiri majlis sumbangan zakat Yayasan Al Fasal serta majlis terbuka bersama rakyat di Masjid Al Islah Pengkalan Aur.